

Memerangi denggi, chikungunya

H.M 3/2/09 M/S 14

>>Oleh Aminudin Mansor

SECARA umum, pembiakan nyamuk aedes dan penyakit bawaan nyamuk iaitu denggi dan chikungunya berpunca daripada tabiat kita yang mengambil mudah terhadap kebersihan kawasan persekitaran.

Kawasan persekitaran seperti longkang, pasu bunga dan lopak air yang terbiar menyebabkan air bertakung dan memudahkan nyamuk membiak. Jika tabiat kita tidak senang melihat keadaan ini sudah tentu nyamuk tidak akan membiak.

Oleh itu, kerajaan mengisytiharkan perang terhadap musuh nombor satu Malaysia kini - nyamuk aedes selepas angka kematian akibat denggi mencecah 12 orang tahun ini daripada 4,221 kes.

Angka ini meningkat sekali ganda berbanding lima ke-

matian daripada 2,103 kes bagi tempoh sama tahun lalu. Kes terbanyak dilaporkan di Selangor dengan 1,727 kes dengan dua kematian diikuti Kuala Lumpur 307 kes.

Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai, berkata kini bukan masanya untuk menuding jari kepada mana-mana pihak tetapi bertindak menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

Untuk ini, beliau menggesa pemimpin masyarakat dan pihak berkuasa tempatan mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan persekitaran.

Menurutnya, denggi kini menjadi wabak kerana merebak dari satu tempat ke satu tempat.

Rakyat digesa supaya tidak mengambil mudah perkara itu.

Statistik Kementerian menunjukkan peningkatan wabak denggi dari Januari 2008 hingga Januari 2009.



Keseluruhan kes 2008 ialah 2,153 dan kes tahun 2009 ialah 4,221 kes. Kematian pada 2008 ialah 5 kes manakala pada tahun ini 12 kes.

Pada tahun ini saja, Se-



KERJASAMA...menghapuskan pembiakan nyamuk boleh dilakukan melalui gotong-royong bagi mencegah denggi dan chikungunya.



Kementerian Kesihatan menemui simptom luar biasa dalam beberapa kategori kes demam denggi yang teruk, biasanya pesakit akan mengalami pendarahan"

>Tan Sri Dr Ismail Merican
Ketua Pengarah Kesihatan

langor mencatatkan 2,223 kes, Kuala Lumpur 409, Pulau Pinang 245 kes dan Kedah 128 kes.

Bimbang dengan situasi ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican,

berkata Kementerian menemui simptom luar biasa dalam beberapa kategori kes demam denggi yang teruk.

"Biasanya dalam kes demam denggi yang teruk, pesakit akan mengalami pendarahan dan kiraan platet darah rendah," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat kes menyebabkan otak terjejas dan pesakit boleh mengalami serangan sawan, demam kuning, hepatitis, malah kegagalan ginjal atau hati.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian mengarahkan semua doktor mengadakan ujian demam panas dan simptom luar biasa, lebih-lebih lagi jika pesakit dari kawasan yang mempunyai kes denggi.

Masyarakat pula perlu bersatu dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran.

diserang demam panas mengejut, sakit tekak, sendi, ruam badan dan sakit kepala. Seseorang pesakit boleh demam dari satu hingga tujuh hari.

Penyakit chikungunya boleh disalah anggap sebagai demam denggi kerana tanda-tanda penyakitnya menyerupai demam denggi.

Kaedah rawatan yang diberikan hanya bersifat simptomatik (sokongan, mengikut gejala bagi melegakannya).

Misalnya, pesakit diberikan ubat penurun panas atau penahan sakit. Pesakit dinasihatkan memperbanyakkan minum air dan rehat mencukupi. Kebanyakan kes yang terjadi hanya memerlukan rawatan pesakit luar. Tiada vaksin bagi penyakit ini.

Cara pencegahan penyakit chikungunya, bersihkan kawasan rumah dan persekitaran supaya bebas daripada

Semua pihak perlu ber-sungguh-sungguh meng-gebleng tenaga mengatasi wabak denggi dan chikungunya.

Selain denggi, chikungunya juga sejenis penyakit bawaan nyamuk.

Menurut sejarah, chikungunya pertama kali di-kesan melalui ujian darah di Tanzania pada 1953.

Sejak itu, ia berlaku di ne-gara Afrika, Asia dan ak-hir-akhir ini di beberapa tempat di Eropah.

Penyakit itu juga sering berlaku di kebanyakan ne-gara sub Sahara Afrika, India, Asia Tenggara, Indonesia dan Filipina.

Punca berlakunya jangkitan chikungunya adalah de-mam disebabkan virus da-ripada genus alphavirus da-lam keluarga togaviridae.

Kaedah jangkitannya me-lalui gigitan nyamuk aedes albopictus atau aedes aegypti yang membawa virus ber-kenaan. Nyamuk aedes juga menyebarkan virus penyakit demam denggi.

Tanda-tanda dan gejala pe-nyakit dapat dilihat apabila

tempat pembiakan nyamuk aedes.

Ini boleh dilakukan melalui gotong-royong. Terbukti ti-ada kes terbaru dilaporkan di kawasan yang melakukan go-tong-royong.

Periksa rumah dan perse-kitaran sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk me-mastikan tiada pembiakan nyamuk aedes.

Tidur menggunakan ke-lambu dan pasang pengha-dang nyamuk pada tingkap. Gunakan ubat nyamuk ling-karan, elektrik atau meng-gunakan semburan racun se-rangga.

Biarkan pengudaraan ber-laku sama ada dengan kipas angin atau alat pendingin ha-wa. Sapu krim repelen se-rangga yang disahkan sela-mat pada kulit dan pakaian.

Seterusnya, dapatkan rawa-tan segera di klinik atau hos-pital berdekatan sekiranya mengalami tanda dan gejala penyakit denggi atau chi-kungunya.

Sama-samalah kita cegah wabak ini daripada berlelu-asa dan terus meragut nya-wa.